

APLIKASI TEKNIK TEATER KREATIF DALAM MENINGKATKAN KESEDARAN KOGNITIF MURID-MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)

Lakshmi a/p Permal dan Mohd Kipli bin Abdul Rahman
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak: Kajian ini meneroka aplikasi teknik teater kreatif dalam meningkatkan kesedaran kognitif murid-murid berkeperluan khas. Teater adalah satu bentuk komunikasi yang memberi peluang kepada setiap kanak-kanak untuk meningkatkan tahap komunikasi dan mendekati pengetahuan baharu melalui dimensi imaginasi aktiviti serta pengalaman. Murid-murid berkeperluan khas merupakan golongan yang menghadapi kesukaran untuk belajar. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu dikaji dan difahami oleh semua golongan pendidik yang terlibat dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian dan perkembangan kognitif kanak-kanak kelainan upaya agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pendidikan. Pengaplikasian teknik teater kreatif akan menemui kejayaan sekiranya guru yang terlibat secara langsung mempunyai latihan dan pendekatan yang efisien untuk menangani murid yang mengalami masalah komunikasi lisan semasa menjalankan aktiviti teater kreatif. Kajian ini menggunakan pendekatan teori Taksonomi Bloom iaitu pendekatan domain kognitif yang melibatkan pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Perubahan dan peningkatan domain kognitif dinilai dengan menggunakan teknik teater boneka yang merangkumi teknik penceritaan dan improvisasi. Improvisasi boleh berlaku pada bila-bila masa di atas pentas. Ini kerana improvisasi bukan suatu hal yang dirancang. Penambahbaikan biasanya muncul akibat daripada suatu kesalahan ataupun kemunculan peristiwa yang tidak terancang. Teknik bercerita dianggap sebagai medium komunikasi serta pembelajaran, penceritaan naratif sebagai pengajaran terancang dan pedagogi pembelajaran secara aktif. Kaedah etnografi digunakan untuk mengumpul maklumat sejauh mana praktis teater kreatif mampu memupuk kesedaran kognitif di kalangan murid kelainan upaya di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang. Hasil kajian mendapati kaedah teater kreatif berupaya memupuk kesedaran kognitif di kalangan murid yang kelainan upaya. Signifikansi kajian ini memberi penerangan yang terperinci kepada pembaca dalam membina domain kognitif sekaligus mengubah corak social kehidupan murid berkeperluan khas.

Kata kunci: *Teater Kreatif, Kesedaran Kognitif, Kelainan Upaya, Improvisasi, Penceritaan Naratif*

1.1 Pengenalan

Teater atau “Teater-in-Education” secara amnya merujuk kepada penggunaan proses teater sebagai satu cara untuk mengajar pelbagai mata pelajaran atau menyampaikan mesej bagi menambah kurikulum sekolah [1]. Teater adalah satu set amalan atau aktiviti yang digunakan dalam medium pembelajaran oleh pengajar. Menurut Johnson dan O'Neill [2], "teater tidak lagi dianggap hanya sebagai satu cabang pendidikan seni, tetapi ia juga boleh menjadi alat pengajaran yang unik dan penting untuk perkembangan bahasa yang bernilai dalam penerokaan bidang lain. Di samping itu, teater kreatif adalah sejenis teater yang terdiri daripada pelbagai jenis seni sejagat [3][4]. Mereka juga menjelaskan bahawa teater kreatif hanya boleh ditakrifkan sebagai alat berkesan tentang sesuatu

peristiwa atau konsep dengan menggunakan pengalaman lepas oleh peserta. Istilah ini bermakna murid secara spontan menggunakan pergerakan dan pertuturan untuk mencipta watak atau objek dalam situasi tertentu [5].

Pendidikan tradisional boleh digambarkan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid dalam pembelajaran spontan. Murid-murid yang aktif dalam teater berdasarkan persekitaran pembelajaran mendapat peluang untuk membina pengetahuan mereka dalam minda melalui pembelajaran bermakna [6]. Menurut Heinig [7] pada dasarnya, teater terhasil daripada simulasi situasi kehidupan sebenar dan pengalaman supaya murid dapat menerima bahawa suasana pembelajaran adalah sesuatu yang lumrah. Beliau menyambung lagi bahawa bilik darjah dan

persekitaran teater akan menyediakan rangka kerja yang benar-benar melibatkan murid dalam proses pembelajaran. Ini adalah kerana teater mampu mengalakkan mereka untuk membina pengetahuan yang dikategorikan sebagai pengajaran konstruktivis serta murid adalah peserta aktif dalam persekitaran pembelajaran dalam teater kreatif [6][7][8].

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aplikasi teknik teater boneka dalam memupuk kesedaran kognitif kanak-kanak kelainan upaya. Jika merujuk kepada Kenyataan “Keperluan Pendidikan Khas [9]” mengesahkan bahawa; Pendidikan berprestasi tinggi hanya boleh dilahirkan dengan menerima pakai pendekatan yang lebih inklusif untuk mendidik murid berkeperluan khas [10]. Pada masa yang sama Akta Orang Kurang Upaya Perkara (28) mengesahkan bahawa; di Malaysia kanak-kanak istimewa perlu diberi sokongan yang sama rata dalam penyertaan. Tujuan kajian ini adalah sejajar dengan kenyataan di atas. Oleh demikian pengkaji berhasrat bahawa pengajaran berorientasikan teater adalah cara yang paling berkesan untuk mewujudkan komuniti dan membina masyarakat yang inklusif.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Friend dan Bursuck [11] murid yang mengikuti program pendidikan khas biasanya menghadapi dua kesukaran iaitu dari segi pemahaman dan ingatan. Murid pendidikan khas sukar mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mereka memerlukan perhatian dan tumpuan yang khas oleh guru. Guru yang kurang cekap menghadapi pelbagai masalah untuk mendidik murid kelainan upaya sepenuhnya. Oleh yang demikian murid kelainan upaya ketinggalan dalam pelbagai aspek lain yang berkaitan dengan pemahaman, komunikasi dan pencapaian akademik. Maka kajian ini merupakan kajian yang pertama yang menjalankan kajian terhadap murid kelainan upaya melalui kaedah kajian kes dan pemerhatian dalam usaha untuk mengetahui aplikasi teknik teater boneka dalam memupuk kesedaran kognitif kanak-kanak kelainan upaya.

Abdullah & Gibb [12] telah menyatakan bahawa belajar berorientasikan buku teks dan lengkapkan tugas dari guru dalam kelas menjadi suatu yang biasa dilakukan oleh guru dan murid sehingga kini. Ini kerana kebanyakan guru tidak mendapat latihan dan pendedahan yang efisien untuk menangani murid kelainan upaya; Heward [13]. Kebanyakan guru masih selesa dalam zon pengajaran dan bilik darjah tradisional.

Synkova [14] juga menyatakan bahawa kebanyakan guru enggan menggunakan teater sebagai teknik pengajaran di dalam bilik darjah. Ini adalah kerana mereka menganggap bahawa apa-apa "sandiwara" mungkin mempengaruhi mereka untuk melangkah keluar daripada pengajaran tradisional mereka. Di samping itu, Stinson, [15] menyeru penglibatan setiap guru dalam program teater, mereka perlu ada sikap positif terhadap teater. Oleh yang demikian kajian ini ingin memperkenalkan kaedah teater sebagai pedagogi alternatif yang boleh digunakan sebagai kaedah pengajaran alternatif kepada para murid pendidikan khas.

1.4 Kaedah Kajian

Kajian ini berpaksikan pendekatan penyelidikan kualitatif yang dilaksanakan melalui landasan teori Taksonomi Bloom iaitu pendekatan domain kognitif yang melibatkan pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Perubahan dan peningkatan domain kognitif dinilai dengan menggunakan teknik teater boneka yang merangkumi teknik penceritaan dan improvisasi. Instrumen yang digunakan adalah kaedah pemerhatian dan kajian kes. Dalam melakukan kaedah ini, pengkaji menjalankan rujukan berdasarkan kajian-kajian lepas dalam usaha untuk mendapatkan maklumat “Perubahan domain kognitif akibat pengimplimentasian teater boneka dalam pendidikan”. Kajian ini menggunakan istilah etnografi untuk mengumpul maklumat semasa aktiviti berlangsung. Suryani [16] berpendapat bahawa para penyelidik etnografi mendapatkan maklumat mengenai fenomena sosio budaya tertentu melalui anggota masyarakat atau dokumen mengenai fenomena. Pemerhatian dan temu bual merupakan dua kaedah pengumpulan data penting yang dikenali sebagai kerja lapangan etnografi. Ciri etnografi ialah pengkaji boleh mewujudkan hubungan sosial dengan peserta [17]. Ini berlaku disebabkan pengkaji sentiasa memerhati dan mengadakan komunikasi secara positif dengan peserta. Pada masa yang sama etnografi boleh juga ditakrifkan sebagai pemerhatian secara langsung dan pemerhatian terhadap peserta yang pasti. Etnografi mampu mengekstrak maklumat mendalam sesuatu kajian bergantung pada cita rasa penyelidik daripada apa yang dianggap relevan dan tidak relevan dengan tajuk. Etnografi melibatkan pemerhatian naturalistik yang bermaksud lokasi kajian itu tidak dapat dikawal. Dalam erti kata lain, ia adalah sangat sesuai untuk membuat kajian dalam suasana sosial. Seterusnya etnografi boleh membuat pengubahsuaian terhadap soalan-soalan penyelidikan, reka bentuk dan teknik dari awal sehingga selesai kajian.

Improvisasi atau dalam erti kata lain penambahbaikan boleh berlaku pada bila-bila masa semasa aktiviti teater

dijalankan. Ini kerana improvisasi bukan suatu hal yang dirancang. Penambahbaikan biasanya muncul akibat daripada suatu kesalahan ataupun kemunculan peristiwa yang tidak terancang. Ini dimana semasa latihan berlangsung, jika pelakon gagal untuk menggambarkan sesuatu peristiwa atau suasana maka kegiatan improvisasi akan diambil kira dalam usaha untuk memperbetulkan proses latihan tersebut. Kegiatan ini boleh membantu pelakon sekiranya mereka menghadapi peristiwa atau hal-hal yang tidak terancang sebelumnya yang boleh berlaku semasa persembahan [18].

Improvisasi biasanya digunakan sebagai cara pelengkap tetapi ia berfungsi sebagai pemeriksaan mata yang terlepas pandangan dan juga struktur. Kaedah improvisasi digunakan tanpa teks bertulis semasa latihan yang dilakukan oleh individu melalui pengalaman yang diperolehi dari skrip yang direka untuk menjadi pengantara antara sumber yang sedia ada. Harapan yang didukung dalam improvisasi adalah untuk memberi ucapan-ucapan untuk mengaktifkan dunia emosi dan imaginasi.

Teknik Bercerita atau “Story telling” adalah satu bentuk komunikasi yang diguna untuk mengajar pelajaran atau menggambarkan sesuatu peristiwa secara bentuk bercerita [19]. Di samping itu, teknik bercerita secara naratif menyediakan struktur asas bagaimana kita mewujudkan makna dari menceritakan sesuatu kewujudan. Selain itu, pakar neurosains mendapati bahawa otak boleh menyimpan dan mengakses maklumat melalui cerita dan pengalaman yang berkaitan dapat direkodkan dalam minda sebagai sebuah cerita [20]. Oleh itu, cerita meletakkan asas bagaimana orang berkomunikasi antara satu sama lain dan kini disebut ia mempunyai pengaruh yang kuat dan bermakna untuk meningkatkan pengekalan maklumat dalam otak [21] dan [22]. Penemuan dari beberapa kajian menunjukkan bahawa teknik penceritaan yang naratif membantu dalam menambahbaik pembelajaran oleh murid dalam melibatkan diri secara aktif berbanding penyertaan murid pasif yang sering dijumpai dalam kelas tradisional [22]. Tambahan pula, ternyata bahawa penceritaan naratif dalam komuniti pembelajaran memenuhi kriteria teori berasaskan otak dan beberapa pembelajaran yang lain dan pengajaran di pelbagai peringkat. Pertama, kaedah bercerita meningkatkan persekitaran bilik darjah dan suasana. Sebuah cerita yang baik boleh merehatkan murid dan mengurangkan kebimbangan kerana cerita yang baik dengan suasana yang aktif akan menghiburkan murid.

Secara ringkas, teknik bercerita atau story telling technique muncul sebagai pedagogi pengajaran membentangkan pendekatan semula jadi dan sangat berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Sebaliknya, majoriti sastera dan penyelidikan telah membincangkan kaedah bercerita dari pelbagai perspektif dimana hasil kegunaan kaedah ini memudahkan pengajaran, iaitu murid boleh faham dengan lebih mudah sekiranya mereka mendapat maklumat menerusi cerita [23]. Ini dimana murid dapat menggunakan pengetahuan baru yang diperolehi melalui penceritaan naratif dalam mengembangkan pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran secara aktif [24]. Banyak kajian menyatakan bahawa kaedah penceritaan naratif ini memberi banyak faedah dan ia menjadi sebahagian daripada kaedah pengajaran yang digunakan dalam program ini. Hasil daripada pendedahan kepada kaedah bercerita sebagai strategi pembelajaran yang berharga dan strategi pembelajaran berkesan.

1.5 Sumbangan Teater dalam Pembangunan Kanak-Kanak

Menurut Dublin [25] teater dapat memberikan sumbangan yang unik kepada perkembangan kanak-kanak. Ini kerana teater adalah mod pembelajaran yang unik dan jika murid itu berlakon dalam watak tertentu maka watak berkenaan akan membantu mereka untuk meningkatkan kesedaran diri. Selain itu, Dublin juga menyatakan beberapa sumbangan teater dalam perkembangan kanak-kanak iaitu;

- i. Teater memberi peluang kepada setiap kanak-kanak untuk mendekati pengetahuan baharu melalui dimensi imaginatif aktiviti dan pengalaman.
- ii. Teater mewujudkan motivasi dan minat yang boleh merangsang kanak-kanak itu untuk memupuk sikap terbuka dan mempunyai pandangan persepsi diri yang berbeza terhadap dunia.
- iii. Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti teater membolehkan mereka mempunyai pengetahuan yang khas iaitu; pembelajaran sebelum ada pengalaman atau kata lain memahami empati dengan idea-idea, sikap dan perasaan orang lain.
- iv. Membantu kanak-kanak untuk memahami corak kehidupan. Ini kerana teater membolehkan murid untuk menerokai lebih mendalam tentang maksud kehidupan.
- v. Menerusi teater kanak-kanak dapat mengasimilasikan perubahan alam sekitar melalui perkembangan psikologi yang membolehkan mereka untuk mengatasi cabaran hidup serta mempunyai keinginan untuk mengeksplorasi dunia lain.

vi. Kegiatan teater memupuk perkembangan imaginasi kanak-kanak secara holistik, intelek, emosi dan fizikal. Pada masa yang sama teater memupuk daya kreativiti, ciptaan, wawasan dan penemuan kanak-kanak.

vii. Kandungan teater boleh dikaitkan dengan kehidupan kita. Ini kerana aktiviti teater merangkumi keseluruhan rangkaian pengalaman kanak-kanak dalam setiap aspek personaliti dan ia merupakan cara yang unik untuk dijadikan panduan yang sangat bermakna kepada pengalaman kanak-kanak pada zaman persekolahan dan zaman muda.

Dalam sejarah manusia teknik bercerita dianggap sebagai medium komunikasi serta pembelajaran, penceritaan naratif sebagai pengajaran terancang dan pedagogi pembelajaran yang agak baru dalam pendidikan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakan kesusasteraan yang menyokong bercerita sebagai cara yang berkesan untuk mengajar dari sudut pengajaran atau kerana ia diaplikasikan kepada murid yang lebih muda. Kaedah bercerita memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat untuk mengekalkan dan berkongsi adat budaya, kepercayaan dan warisan sama ada cerita bertulis atau lisan kepada orang ramai. Kaedah penceritaan terbukti bahawa ia adalah cara tertua dan yang paling berasas untuk manusia ingat maklumat cerita keseluruhannya dengan mudah. Oleh itu, bercerita terbukti menjadi cara yang sangat berkesan pengetahuan pengekodan dalam budaya lisan kerana ia menjadikan mereka lebih diingati dan mudah disampaikan kepada orang lain. Malah, Abrahamsen mendakwa bahawa sesebuah tamadun dapat dibawa ke turun temurun akibat kaedah bercerita. Ini kerana mereka memastikan kesinambungan pengalaman hidup kepada generasi seterusnya.

Dalam masyarakat hari ini, cerita terdapat dalam pelbagai bentuk iaitu; televisyen, radio, e-mel, majalah dan buku-buku. Cerita ialah cara dimana orang ramai berkomunikasi antara satu sama lain untuk menceritakan semula sesuatu peristiwa kepada rakan-rakan atau ahli keluarga, ia boleh dijadikan sebagai nasihat ditawarkan kepada rakan sekerja atau sebagai kanak-kanak diajar pelajaran yang bermakna bagi kehidupan dan interaksi dengan masyarakat mereka sendiri. Selain itu, penyelidik pendidikan menemui bukti kukuh kemunculan semula bercerita sebagai pedagogi pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan dan organisasi perniagaan. Terdapat juga sebuah gerakan ke arah penceritaan lisan dalam industri hiburan kerana populariti bercerita meningkat di kedua-dua peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Abrahamsen berpendapat bahawa bercerita membentuk asas bagi segala profesion perguruan.

Maley dan Duff dalam bukunya menyatakan bahawa latihan improvisasi adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran auditori dan visual sebagai persediaan untuk membuat hubungan emosi dengan orang lain. Ia secara amnya bertujuan untuk mencari unsur-unsur afektif situasi harian dan untuk membantu murid untuk mencari ungkapan yang secara tepat untuk menterjemahkan perasaan. Mereka memang menekankan pelbagai ucapan-ucapan yang dapat menghidupkan sentimen tertentu, kerana mereka sebaliknya mengesahkan pelbagai makna pengucapan tunggal yang boleh menyampaikan.

Salah satu jenis improvisasi yang mungkin terbukti berkesan untuk murid ialah memerlukan satu kumpulan murid untuk "improvisasi di pentas". Ia mungkin disediakan, jika kesalahan telah berlaku dan bantuan diperlukan; bantuan ini adalah diminta daripada penonton iaitu pendapat mereka dan kemudian krisis yang sebenar akan diubah dari pandangan penonton kepada peserta. Ia adalah penting bahawa keadaan yang dibayangkan dari sudut pandangan kedua-dua pihak, supaya konfrontasi sebenar boleh berlaku. Ia jelas bahawa situasi yang melibatkan konflik kepentingan tidak perlu mengambil bentuk konflik secara terang-terangan atau permusuhan. Sebaliknya, kita jarang mengambil jalan konfrontasi langsung untuk mendapatkan apa yang kita mahu, melainkan kita terpaksa berbuat demikian kerana kecewa. Oleh itu, kebanyakan penambahbaikan melibatkan murid dalam tindakan pujukan, lencongan, dan strategi lain yang menangani hawa nafsu mereka secara tidak langsung tetapi yang boleh bekerja cara mereka ke arah pertukaran atau meningkatkan dengan segera.

1.6 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini adalah mengenai pengaplikasian teknik teater boneka dalam memupuk kesedaran kognitif kanak-kanak kelainan upaya. Maka pengkaji mensasarkan murid-murid dan guru-guru pendidikan khas. Populasi yang dipilih untuk kajian ini adalah Murid Berkeperluan khas (MBK) yang belajar di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah di Kuantan, Pahang. Menurut Sekaran sesebuah kajian perlu mengandungi populasi yang merangkumi semua kumpulan orang, peristiwa, atau perkara-perkara menarik untuk digunakan oleh penyelidik dalam siasatan. Menurut data yang diberi oleh bahagian pentadbiran SK Tunku Azizah, jumlah murid (MBK) yang belajar di sekolah tersebut ialah sebanyak 42 orang murid. Walaubagaimanapun kajian ini telah memilih 10 orang murid sahaja sebagai sampel kajian ini.

Daripada jumlah sampel tersebut pengkaji memilih peserta (MBK) yang berumur 7-13 tahun. Ini adalah

kerana Menurut Latif [30] kanak-kanak yang berumur antara 5 hingga 7 tahun biasanya tidak gemar untuk mengikut arahan malah kebanyakan daripada mereka suka menghabiskan masa dengan bermain. Manakala bagi yang berumur 7 – 12 tahun, mereka mempunyai tahap pemahaman yang waras dan boleh memahami tujuan kandungan teater. Oleh itu dalam kajian ini murid berkeperluan khas yang berumur 7-13 tahun seramai 10 murid (MBK) telah menjadi responden. Ini adalah kerana untuk mendapatkan hasil kajian yang kukuh, saiz sampel yang kecil sangat mudah untuk dikendalikan dan pada masa yang sama ia memudahkan pengkaji untuk memberi pemerhatian sepenuhnya kepada setiap murid semasa aktiviti dijalankan. Ini akan memberi peluang kepada pengkaji untuk melakukan penyelidikan dengan lancar tanpa gangguan.

1.7 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan bagi memupuk kesedaran kognitif di kalangan murid kelainan upaya melalui aplikasi teknik teater boneka ini, mencapai objektif yang dibina. Ini dilihat berupaya meningkatkan perkembangan domain kognitif murid-murid istimewa yang mengikuti pembelajaran melalui program khas pendidikan di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang. Seterusnya hasil kajian ini juga membuktikan bahawa teknik teater berupaya dijadikan sebagai kaedah alternatif semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Teknik teater merupakan salah satu medium pembelajaran yang sering diaplikasikan oleh para tenaga pengajar. Oleh yang demikian, teknik teater ini dilihat berpotensi untuk diaplikasikan sebagai salah satu medium utama dalam pembelajaran khususnya dalam Program Pendidikan Khas yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Melalui program-program yang disediakan, usaha-usaha telah dijalankan bagi merangsang perubahan kognitif dalam kalangan murid agar mereka berupaya untuk menjalankan kehidupan sosial yang seterusnya mendedahkan mereka ke arah proses pembinaan personaliti diri yang lebih mantap.

Melalui kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dari segi praktikal, teoritikal dan metodologikal dalam bidang pendidikan yang menjurus kepada murid kelainan upaya. Hasil kajian yang telah diperolehi dalam kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan praktikal yang mungkin dapat menjadi penyelesaian kepada strategi yang sedang dicari oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha untuk mendidik murid kelainan upaya. Selain itu pengenalan atau sumbangan teori kepada pengkaji dan

pembaca dalam kajian ini dapat memberikan sumbangan teoritikal yang menjadi pengaruh terbaru kepada pengkaji lain. Selain itu, sumbangan metodologi adalah cara pengumpulan data yang akan digunapakai oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini (kaedah kajian kes dan pemerhatian) yang boleh dijadikan sebagai rujukan atau panduan oleh pengkaji dan pembaca.

RUJUKAN

- [1] Heathcote, D. (1995). "Drama for learning: Dorothy Heathcote's mantle of the expert approach to education. Portsmouth, NH: Heineman."
- [2] McCaslin'e, N. (1990). "New Directions in Creative Drama, National Forum, Summer90, 70."
- [3] Wilhelm, J. D. (2002). "Action strategies for deepening comprehension: Using drama strategies to assist improved reading performance. New York, NY: Scholastic."
- [4] Dublin (1999). Drama Arts Education; Teachers Guideline, THE STATIONERY OFFICE.
- [5] Parkin, M. (2004). Tales for change: using storytelling to develop people and organizations, Kogan Page Publishers.
- [6] Latif., Z. A. (1989). "Bentuk Teater yang sesuai untuk Pendidikan masa kini. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Drama Dalam Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14-15 Oktober."
- [7] McDrury, J. and M. Alterio (2003). " Learning through storytelling in higher education: Using reflection and experience to improve learning. London, LK; Sterling, VA: Kogan Page Limited."
- [8] Solórzano, D. G. and T. J. Yosso (2002). "Critical race methodology: Counter-storytelling as an analytical framework for education research." *Qualitative inquiry* 8(1): 23-44.
- [9] Norris, J. (2000). "Drama as research: Realizing the potential of drama in education as a research methodology." *Youth Theatre Journal* 14(1): 40-51.
- [10] Morgan, S. and R. Dennehy (1997). "The power of organizational storytelling: a management development perspective. *Journal of Management Development*, 16 (7), Retrieved May 29,2005, from Ebsco Host database."

- [11] Heathcote, D., & Herbert, P. (1985). "A drama of learning: Mantle of expert. Theory Into Practice, 24, 173–180."
- [12] Heo, H. (2004). " Inquiry on storytelling fro the web-based environmental learning environment. Association for Educational Communications and Technology. Retrieve October 7,2005 from Ebsco Host database."
- [13] Kuchwara. and Michael. (2000). "Everyone Has a Story To Tell – An Appealing, Funny Improvisation on Real Life." The Associated Press 28 Sept."
- [14] Duff. and Alan Maley. (1978). "Drama Techniques in Language Learning (Cambridge: Cambridge University Press,), p. 7."
- [15] Eccles, D. (1989). " English through Drama. London: Hutchinson Education."
- [16] Gaudart, H. (1990). "Using Drama Tequiques in Language Teaching. Saraniee, Anivan, Ed.: U.S. Department of Educaton."
- [17] DONELAN, K. (1991). "Windows on the Drama Classroom: a collaborative, ethnographic approach to Research." Drama in Education: the state of the art, Educational Drama Association, NSW.
- [18] Alterio, M. and J. McDrury (2003). Learning through storytelling in higher education: Using reflection and experience to improve learning, Routledge.
- [19] Bolton, G. (1984). " Drama as education: an argument for placing drama at the centre of the curriculum (London, Longman)."
- [21] Bolton, G. (1992). "New perspectives on classroom drama (Hemel Hempstead, Simon and Schuster Education)."
- [22] Bräuer, G. (2002). Body and language: Intercultural learning through drama, Greenwood Publishing Group.
- [23] Chauhan, V. (2004, October). "Drama Techniques for Teaching English. Retrieved September 24, 2011, from The Internet TESL Journal, VOI X, no.10: <http://iteslj.org/Techniques/Chauhan-Drama.html>."
- [24] Culham, C. R. (2002). "Coping with Obstacles in Drama-Based ESL teaching: A Nonverbal Appraoch. Gerd Brauer (Ed.) body and Language. Intercultural Learning Through Drama. West Port Connecticut and London, <http://www.european-mediaculture.org>: Ablex Publishing."
- [25] Dodson, S. L. (2002). "The Educational potential of Drama for ESL. Gerd Brauer (Ed.) body and Language. Intercultural Learning Through Drama. West Port, Connecticut and London, <http://www.european-mediaculture.org>: Ablex Publishing."